

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI 2022



KANDUNGAN



BICARA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

- 3 Sambutan Hari Integriti Nasional 2022 Semai Nilai Murni

RENCANA / ARTIKEL BERITA

- 4 Komitmen terhadap ESG dalam Konteks Tata Kelola
6 Perkemas Integriti Sistem Audit Dalam
7 Liabiliti Korporat oleh Organisasi Komersial
8 Menteri Berintegriti Jamin Perkhidmatan Awam Dihormati
10 Meningkatkan Integriti Kepimpinan
11 Mendepani Cabaran Membudayakan Integriti dan Tata Kelola Terbaik Masyarakat dan Negara

PROGRAM DAN AKTIVITI IIM / BERITA

- 13 Pelancaran Bulan Integriti Nasional 2022 Peringkat IIM dan Pelancaran Dewan Murni
14 Forum Perdana Ehwal Islam: Integriti Jambatan Keberkatan
15 Sambutan Hari Integriti Telekom Malaysia (TM) 2022 “Integriti Tanpa Kompromi”
16 Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Borneo 2022 (*Borneo Occupational Safety and Health Conference and Exhibition 2022 - BOSH 2022*)
Ceramah Pengukuhan Integriti, Sempena Sambutan Hari Integriti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
17 Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2022
“Integriti Dalam Pengurusan Kualiti”
Bengkel Pembangunan Pelan Strategik IIM 2023-2025
18 Penyampaian Teks Khutbah Jumaat Bertajuk “Integriti Teras Kesejahteraan Keluarga dan Masyarakat” di Masjid-Masjid dalam Negara
20 Sambutan Bulan Integriti Majlis Bandaraya Miri
21 Sambutan Bulan Integriti Peringkat Negeri Pahang 2022
22 Forum “Promoting a Fair Business Environment in ASEAN (FairBiz)”
Kunjungan Hormat ke atas Duta Besar Malaysia ke Thailand

- 23 Pameran Sempena Sambutan Bulan Integriti Nasional oleh Jabatan dan Agensi Sektor Awam dan Swasta

- 24 Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) Peringkat Daerah Matu dan Daro (MDMD) Sarawak

Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) Peringkat Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)

- 25 Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) untuk Sesi Ke-2 Di Peringkat Residensi Sibu

- 26 Program Rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB)

- 27 Seminar Yayasan Tuanku Fauziah Bertajuk “Wanita dalam Pembangunan Negara”

- 28 Institut Integriti Malaysia (IIM) telah Menandatangani MoU dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

- 29 Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat IIM

- 30 IIM turut bersama-sama dalam Perhimpunan Bulanan Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM)
Majlis Perasmian Ombuds Day 2022 di Borneo Convention Centre, Kuching, Sarawak

- 31 KPE IIM sebagai Ahli Panel Forum dalam *Governance, Risk and Compliance (GRC) Asia 2022*
Majlis Anugerah Perhubungan Awam Malaysia (MPRA) 2022, Kuala Lumpur Sentral

SENARAI PROGRAM SEKSYEN PENGURUSAN INTEGRITI (SPI) OKTOBER – DISEMBER 2022

KUNJUNGAN HORMAT DAN LIBAT URUS IIM

SIDANG REDAKSI

Penaung dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

Ketua Editor

Encik Zubayry Abdy Sofian

Editor

Puan Norsheeda Din
Cik Effa Fazira Azmi

Jurugambar

Encik Aryzam Rahim
Cik Firzana Roslan

Penyumbang Artikel

Encik Mohd Rais Ramli

Diterbitkan setiap suku tahun oleh

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Menara INTEGRITI, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

Bicara Ketua Pegawai Eksekutif

SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL 2022 SEMAI NILAI MURNI

Sambutan Bulan Integriti Nasional 2022 (SHIN 2022) yang berlangsung sepanjang November lalu dirai dengan pelbagai program bermanfaat khususnya dalam menyuntik nilai-nilai murni seperti amalan integriti; amanah dan prinsip keadilan dalam membina akhlak mulia seluruh rakyat Malaysia.

Sesuai dengan tema yang diangkat pada tahun ini iaitu “Integriti Teras Keluarga Malaysia”, Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk sektor awam dan swasta telah melaksanakan pelbagai program bagi tujuan memantapkan pembudayaan nilai-nilai tadbir urus, integriti dan anti rasuah. Antaranya menerusi pengajuran Forum Perdana Ehwal Islam : Integriti Jambatan Keberkatan dan bacaan Khutbah Jumaat bertajuk: “Integriti Teras Keluarga Malaysia” di Masjid seluruh Malaysia. Program ini merupakan antara inisiatif IIM dalam menyemai penghayatan nilai integriti mengikut perspektif islam.

IIM turut terlibat dalam menjayakan sambutan Hari Integriti Nasional 2022 bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNEP); Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM); Telekom Malaysia (TM) Berhad; Sarawak Economic Development Corporation

(SEDC); Malaysian Investment Development Authority (MIDA); Boustead Holdings Berhad; dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

IIM percaya pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik harus disemai dari awal dan kesedaran ini harus ada dalam diri setiap individu khususnya dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. Untuk itu, SHIN2022 juga dirai bersama mahasiswa Institut Pengajian Tinggi seperti UiTM dan mahasiswa di Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP). Antaranya menerusi Forum anjuran UiTM yang bertemakan “Integriti Dalam Pengurusan Kualiti” dan Forum Pemerksaan Integriti bertajuk “Pahang Berintegriti, Masyarakat Sejahtera” anjuran Yayasan Pahang dengan kerjasama IIM, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan UCYP.

Pada tahun ini, IIM turut menyebar luas peranannya di peringkat serantau dan antarabangsa. Antaranya menerusi perkongsian agenda integriti dan tadbir

urus Malaysia bersama Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel pada November lalu. Selain itu, IIM juga bercadang untuk memperluas jalinan kerjasama dengan pihak United Nations Development Programme (UNDP) khususnya melalui program-program usahasama seperti penyelidikan dan penerbitan dalam bidang integriti dan tadbir urus.

Semoga sambutan Bulan Integriti Nasional yang disambut pada 5 November setiap tahun, sejak tahun 2005 ini akan terus menyemarakkan semangat pembudayaan nilai integriti masyarakat dan nasional seterusnya berupaya merealisasikan aspirasi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) supaya “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah”.

DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI
Ketua Pegawai Eksekutif



*Sema'i
Nilai Murni*

KOMITMEN TERHADAP ESG DALAM KONTEKS TATA KELOLA

Oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi



Tidak dinafikan bahawa isu berkaitan kemampunan alam sekitar, sosial dan tata kelola (ESG) merupakan antara topik perbincangan paling hangat dalam dunia perniagaan global hari ini pasca-COVID. Menurut laporan Tinjauan Pertengahan Tahun ESG 2021 Bloomberg Intelligence (BI), aset ESG kini berada di landasan melebihi USD50 trillion (RM220.5 trillion) menjelang 2025, meningkat daripada USD35 trillion (RM154.3 trillion) pada 2020.

Secara ringkas, ESG merupakan dokumentasi komitmen sebuah syarikat tentang bagaimana ianya beroperasi dan membuat keputusan berkaitan moral dan etika. ESG juga melihat bagaimana pelbagai pemegang taruh yang berkaitan dengan syarikat tersebut dilayan termasuk para pelabur, warga kerja, serta rantai-

pembekal seperti vendor dan kontraktor. Tidak lupa juga komuniti sekelling tempat perniagaan itu beroperasi.

Persoalan yang sering diperdebatkan dalam kalangan pemain industri adalah sejauh mana kita dapat menentukan dan menilai tata kelola dalam ESG? Bagaimakah usaha-usaha anti-rasuah diserapkan dalam rangka kerja ESG? Dan bolehkah sesebuah syarikat atau pelaburan dianggap "mampan" jika integriti korporat diabaikan?

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, YBhg Datuk Muhammad Umar Swift, Syarikat Senaraian Awam (PLC) perlu menangani keimbangan yang kritikal berkaitan ESG yang memberi kesan kepada operasi perniagaan

mereka serta kemakmuran jangka masa panjang. Tambah beliau, kegagalan untuk memenuhi pematuhan ESG boleh mengakibatkan kerosakan reputasi dan kepercayaan yang boleh menjadikan kredibiliti sesebuah syarikat.

Malah penekanan terhadap agenda ESG akan lebih bermakna jika kepimpinan sesebuah syarikat atau organisasi komersial mempertimbangkan tata kelola ESG yang mampu dan integriti korporat sebagai asas yang penting.

Ini bermakna, amalan perniagaan sesebuah syarikat mestilah beretika, telus dan bertanggungjawab. Pelabur dan pemegang taruh perlu tahu bahawa keuntungan jangka panjang atau kelestarian perniagaan hanya akan dapat tercapai jika sesebuah organisasi komersial memberi penekanan kepada aspek ESG. Malah para pelabur akan menjauhkan diri jika sesebuah organisasi komersial mempunyai risiko yang tinggi dalam ESG.

Sesungguhnya, tata kelola manusia dan tata kelola korporat mestilah seiring. Tata kelola manusia merujuk kepada cara kita mengukuhkan nilai moral dalam diri individu, yang merangkumi prinsip moral seperti rajin, jujur dan amanah. Tata kelola korporat pula melihat sejauh mana tata kelola dibangunkan, dilaksanakan, dikuatkuasakan dan dinilai. Tata kelola yang baik boleh diukur dengan mengaplikasikan sistem pengurusan yang sesuai seperti Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).

Secara asasnya, tata kelola dan sistem pengurusan saling bergantung. Tata kelola yang baik bergantung kepada

TINJAUAN PERTENGAHAN TAHUN ESG 2021 BLOOMBERG INTELLIGENCE (BI)



kualiti individu yang unggul. Jika sistem pengurusan baik, tetapi kakitangannya tidak mengamalkan prinsip integriti, maka akan timbul isu salah laku dan sebagainya. Begitu juga jika tiada sistem pengurusan, dan hanya bergantung kepada integriti individu, lama kelamaan, ia mengundang salah laku dan pelanggaran integriti. Dalam hal ini, akan ada godaan untuk melakukan kesalahan jika tiada kawalan dalam dan tata kelola yang kukuh.

Justeru, tata kelola korporat yang berpaksikan integriti adalah asas dalam memastikan keghairahan terhadap ESG dapat diterjemahkan kepada tindakan konkret dan masa depan yang mampan.

Berkaitan itu, Lembaga Pengarah dan Pengurusan bagi sesebuah syarikat harus mematuhi piawaian ESG dalam proses membuat keputusan dengan memastikan undang-undang, peraturan dan dasar yang berkaitan antirasuah, integriti dan tata kelola diberi prioriti dan dipatuhi. Sebagai contoh, adalah penting bagi sesebuah syarikat mematuhi Seksyen 213 Akta Syarikat 2016, dan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 19 September 2022, peranan Institut Integriti Malaysia (IIM) kini diperkuuhkan berdasarkan tiga fungsi teras utama merangkumi aspek Pendidikan, Advokasi dan Latihan; Penyelidikan dan Penerbitan; serta Kerjasama Strategik. IIM juga diberi peranan melaksanakan model perniagaan secara hibrid untuk membantu bukan sahaja sektor awam malah organisasi komersial dalam meningkatkan integriti dan tata kelola melalui produk-produk perkhidmatan yang disediakan oleh IIM.

Antara produk IIM yang paling sesuai dalam membantu syarikat-syarikat mematuhi piawaian yang berkaitan tata kelola dalam ESG adalah perkhidmatan konsultasi bagi pembangunan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), serta Latihan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 &

Piawaian ESG

- Antirasuah
- Integriti
- Tadbir Urus

- Seksyen 213 Akta Syarikat 2016**
- Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**

Tatacara Mencukupi, dan latihan berkaitan Etika & Integriti (E&I). Justeru itu, pemain industri disaran untuk menambah baik strategi pelaksanaan ESG khususnya dalam konteks tata kelola melalui Pensijilan ISO 37001:2016 agar dapat mewujudkan rangka kerja proses perniagaan yang mampan seterusnya meningkatkan integriti dan tata kelola di sesebuah organisasi.

IIM turut merangka pelbagai inisiatif dalam menyebar luas agenda ESG. Antaranya menerusi kerjasama strategik bersama AEON Co. (M) Berhad untuk membangunkan serta menerapkan elemen integriti di dalam Agenda Kelestarian AEON. Disamping itu, IIM juga sedang menjalankan kerjasama strategik dengan Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) terutama berkaitan penglibatan NIOSH dalam penganjuran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah 2023 (AIGA 2023); pembangunan dan pelaksanaan modul kesedaran integriti dan tata kelola di dalam kursus-kursus anjuran NIOSH; serta

pelaksanaan Kursus Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi secara berkala oleh IIM. Terbaru IIM dengan kerjasama Persatuan Pengamal Sistem Pengurusan Antirasuah Malaysia (ABMS-MY) akan menganjurkan Forum Sistem Pengurusan Integriti yang bertemakan “Kelestarian Organisasi Melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS): Dahulu, Kini dan Seterusnya” pada 14 Februari 2023.

Agenda ESG dapat dipertingkat sekiranya semua pihak amnya sektor awam dan swasta memberi perhatian dan bertindak sewajarnya terhadap pengamalan ESG. Komitmen berterusan dan kerjasama strategik yang dibangunkan IIM diharap berupaya memacu agenda ESG, seterusnya melahirkan warga kerja yang bertanggungjawab dalam merealisasikan tahap integriti dan tata kelola terbaik di Malaysia.

Penulis ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia.

PERKEMAS INTEGRITI SISTEM AUDIT DALAMAN

Oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

Tidak dinafikan, apabila mendengar sahaja perkataan audit, ramai individu terutamanya yang diaudit berasa tidak selesa dan resah. Seolah-olah proses audit ini hanya mahu mencari kesalahan seseorang dan merupakan satu bentuk penganiayaan. Perspektif negatif seperti ini sekiranya terus membina, ia hanya akan menakutkan pekerja dan menyebabkan audit dalam dianggap bertentangan dengan pihak yang diaudit.

Kenapa audit dalam itu penting? Apa itu audit? Audit dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Ia juga berperanan untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematis dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesaan semua proses kawalan dan tadbir urus. Selama bertahun-tahun, audit dalam telah berkembang menjadi aktiviti yang sangat profesional yang menjangkau penilaian kecekapan dan keberkesaan semua aspek operasi organisasi termasuk kewangan dan bukan kewangan.

Bagi membantu proses penambahbaikan ini, Institut Integriti Malaysia (IIM) juga menyediakan konsultasi Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 30071:2016, yang mengandungi latihan khas berkenaan audit dalam ini sedikit sebanyak dapat membantu organisasi-organisasi berkembang maju dalam membantu pencegahan dan membendung kegiatan rasuah itu berlaku.

ABMS adalah satu produk untuk mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah dalam sesebuah organisasi, menggunakan pendekatan pencegahan awal dengan mengenal pasti risiko-risiko rasuah terhadap individu di sesebuah organisasi berdasarkan fungsi-fungsi sesebuah jabatan, unit maupun bahagian

bagi menutup ruang untuk membasi rasuah.

Antara manfaat yang ABMS berikan adalah dapat mengurangkan risiko amalan rasuah di peringkat dalaman dan luaran, di samping memberikan impak positif terhadap prestasi organisasi termasuk penjimatkan kos operasi, pengurusan aduan, perolehan dan tadbir urus. Seterusnya, pelaksanaan ABMS bagi sesuatu organisasi juga dapat meningkatkan keyakinan pelanggan, pelabur dan juga pihak berkepentingan.

Persik kata cendiakawan,

“Integrity is doing the right thing, even when no one is watching us...”

– C.S. Lewis”

Konsultasi Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 30071:2016, yang mengandungi latihan khas berkenaan audit dalam ini sedikit sebanyak dapat membantu organisasi-organisasi berkembang maju dalam membantu pencegahan dan membendung kegiatan rasuah itu berlaku.

Selari dengan usaha menggalakkan pembangunan ABMS dipertingkat oleh organisasi awam dan swasta, IIM turut mewujudkan inisiatif seperti Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA). AIGA merupakan satu anugerah bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dan kebertanggungjawaban dalam usaha memperkasakan pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi masing-masing. Ia secara langsung akan menggalakkan usaha pematuhan audit terlaksana dengan lebih berkesan.



Selain itu, IIM juga akan menganjurkan Forum ABMS pada bulan Februari 2023 bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai ABMS; menyediakan platform perkongsian pengalaman dalam pelaksanaan dan pensijilan ABMS; dan mengenal pasti isu serta cabaran dalam pelaksanaan AMBS. Inisiatif ini juga selari dengan aspirasi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) supaya “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah”.

Pendedahan dan kesedaran terhadap kepentingan penerapan nilai integriti dalam diri setiap individu juga perlu diberi perhatian khusus. Jika tidak diperaktikkan secara berterusan dan tidak mendapat kerjasama dari semua pihak, nilai ini akan semakin terkubur. Jika semua pihak berganding bahu ibarat bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, sudah pasti akan dapat melahirkan warga Malaysia yang kaya dengan sifat integriti. Dalam sebuah hadith telah menjelaskan bahawa hati atau jantung ini merupakan salah satu organ yang penting di dalam badan atau jasad manusia kerana ia akan menentukan sama ada baik atau buruknya jasad (akhlik) seseorang itu.

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung).”

Penulis ialah Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia.

LIABILITI KORPORAT OLEH ORGANISASI KOMERSIAL

Oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi



Perbuatan menawar, menjanjikan atau memberi suapan boleh menjadi satu budaya normalisasi kepada pengurusan atasan atau wakil syarikat jika ianya terus dipandang enteng. Apabila ahli di dalam organisasi komersial mempunyai sifat tersebut, ia sekaligus boleh membawa kepada jenayah ketirisan sehingga membuka ruang untuk memberi dan menerima rasuah.

Pelbagai alasan yang sering diberikan antaranya dengan tujuan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial; atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan. Perlu diingatkan alasan seperti itu tidak akan menyelamatkan mereka daripada didakwa di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Pindaan 2018).

Seksyen 17A Akta SPRM 2009 atau ‘Liabiliti korporat’ yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 ini merupakan peruntukan yang akan menilai kesalahan yang dilakukan oleh organisasi komersial. Berdasarkan peruntukan ini, organisasi komersial boleh didakwa dan dihukum sekiranya membenarkan pegawai atau kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau mendapat apa-apa faedah bagi organisasi komersial itu. Peruntukan baharu ini secara langsung mendorong organisasi komersial mengambil langkah yang wajar dan selari bagi memastikan perniagaan dijalankan dengan integriti tanpa rasuah.

Sejajar dengan usaha untuk membudayakan amalan berintegriti dan bebas rasuah oleh organisasi komersial, Institut Integriti Malaysia (IIM) juga menyediakan Manual Latihan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan Tatacara Mencukupi. Manual latihan ini

merupakan komitmen IIM bersama rakan-rakan peneraju yang terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan dalam mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi, selaras dengan Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) oleh organisasi komersial.

Manual latihan ini mengandungi garis panduan untuk membantu organisasi komersial memahami kaedah pelaksanaan tatacara mencukupi bagi mencegah berlakunya rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan. Garis panduan ini merangkumi lima (5) prinsip utama elemen “T.R.U.S.T” iaitu Komitmen Pengurusan Atasan; Analisa Risiko; Pelaksanaan Langkah Kawalan; Pemantauan Penilaian

dan Penguatkuasaan Secara Sistematik; dan yang terakhir ialah Latihan Dan Komunikasi. Prinsip ini boleh dijadikan asas rujukan oleh organisasi komersial untuk melaksanakan apa-apa polisi, prosedur dan langkah kawalan berkaitan antirasuah yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat mempunyai tatacara mencukupi seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Inisiatif pelaksanaan manual latihan ini juga seiring dengan aspirasi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan peranan IIM sebagai peneraju utama pembudayaan nilai-nilai integriti. Ia juga secara langsung menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan dengan integriti tanpa rasuah dan mempromosi amalan tadbir urus baik dalam organisasi dan bukan bertujuan untuk menghukum organisasi komersial semata-mata.

Penulis ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia.



MENTERI BERINTEGRITI JAMIN PERKHIDMATAN AWAM DIHORMATI

Oleh Datuk Seri Akhbar Satar
Disiarkan di Berita Harian pada 2 Disember 2022



Saranan dan jaminan diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai menteri bakal dilantik menghormati sistem perkhidmatan awam sebagai tonggak dalam pentadbiran kerajaan adalah amalan terbaik.

Pembahagian institusi negara kepada doktrin pengasingan kuasa adalah antara prinsip penting dalam sistem demokrasi mesti dihormati pimpinan negara.

Doktrin ini merealisasikan prinsip semak dan imbang dengan setiap cabang, iaitu pemerintah (eksekutif); perundangan (legislatif) dan kehakiman (judisiari) berkuasa ‘menyemak’ dan ‘menyeimbangkan’ kuasa serta pelaksanaan masing-masing diberikan Perlembagaan.

Campur tangan politik yang bukan bidangnya, akan pincang dan merosakkan sistem demokrasi di negara kita. Ini

isu integriti dan patut dihormati serta dicontohi pimpinan negara.

Sememangnya perkhidmatan awam menjadi tonggak utama negara. Peranannya penting untuk pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara - menyatu dan mengukuhkan masyarakat, menjamin keselamatan, melindungi mereka terdedah bahaya hingga meningkatkan kualiti hidup rakyat seharian.

Dalam hal ini, menteri dan penjawat awam saling memerlukan kerana masing-masing memiliki kepakaran khusus untuk digunakan dalam menguruskan pentadbiran kerajaan.

Campur tangan politik dikatakan antara sebab sistem pentadbiran awan merosot prestasi dan kredibilitinya. Kedua-dua institusi ini juga dilihat ada menghadapi krisis integriti terutama rasuah dan salah guna kuasa.

Ada yang terpaksa ikut arahan menteri atau ahli politik untuk menjaga masa depan dalam kerjaya tetapi ada juga sama-sama ‘kautim’ atau terbabit terutama dalam pemberian kontrak dan lesen.

Hal itu diakui sendiri bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dolah apabila menyebut ada pegawai awam dahulu pernah diugut dipecat ahli politik. Imej ini tidak adil bagi pegawai kerajaan atau ahli politik tinggi integriti.

Saranan Presiden Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD), Tan Sri Abdul Halim Ali agar Kerajaan Perpaduan membawa kembali draf Akta Perkhidmatan Awam dirangka pada 2018 untuk dibentang dan diluluskan, bertujuan memberi perlindungan kepada institusi perkhidmatan awam adalah baik.

Akta ini dilihat mampu melindungi penjawat awam daripada kes kacau ganggu membabitkan ahli politik dan pihak berkaitan. Ia bukan sahaja bertindak memberi perlindungan kepada penjawat awam daripada mana-mana pihak, bahkan memperuntukkan tindakan boleh diambil ke atas kaktungan kerajaan tidak menjalankan tugas hakiki mereka.

Akta ini juga bagi mewujudkan perkhidmatan awam profesional dengan persempadanan fungsi, bidang kuasa dan tanggungjawab jelas antara pihak pentadbiran dengan perkhidmatan awam.

ELAK CAMPUR TANGAN POLITIK

Itu amat penting untuk mengelakkan sebarang campur tangan politik dalam proses pelantikan perkhidmatan awam

dan dalam pengurusan pentadbiran serta kewangan terutama dalam urusan pemberian kontrak.

Penemuan audit menunjukkan ketirisan berterusan dan kerugian besar ditanggung kerajaan disebabkan ketidakpatuhan kepada prosedur operasi kewangan standard akibat gangguan berkenaan terutama dalam pemberian kontrak.

Kata salah seorang pegawai kerajaan berintergriti, di negara ini, pesan motosikal, dapat basikal, bayar harga kereta. Ini antara masih berlaku dalam kontrak kerajaan apabila kegiatan rasuah berleluasa dalam kalangan pegawai kerajaan dan ahli politik bersekongkol dengan kontraktor termasuk kartel.

Ternyata mereka tidak serik pakai gelang besi dan baju oren serta seterusnya masuk dalam jerji besi. Perbuatan keji ini akan terus berlaku dan sukar diramal bila akan berakhir berdasarkan perkembangan mutakhir. Sesuatu patut dilaksanakan untuk membendung kegiatan rasuah.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan kes rasuah membabitkan ketirisan dalam perolehan kerajaan dilihat semakin kritikal dan 50 peratus daripada kes terbabit membabitkan pegawai kanan agensi kerajaan. Statistik ini menyediakan disebabkan kerugian wang rakyat begitu banyak.

Transparency International 2020 menganggarkan rasuah boleh bernilai antara 10 hingga 15 peratus daripada nilai sesuatu kontrak. Menurut Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) hal ini akan merosotkan kepercayaan rakyat.

Data terbaru, Bank Dunia menganggarkan 20 hingga 30 daripada bajet untuk kontrak tiris. Ia sama dengan jangkaan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang menganggarkan lebih 30 peratus nilai projek sektor awam di negara ini hilang akibat salah pengurusan dan rasuah.



Bayangkan berapa banyak jumlah simpanan dapat digunakan ataupun projek baharu dapat dilaksanakan dengan efektif menggunakan jumlah hilang itu.

Amalan rasuah, konflik kepentingan diri dan tidak telus dalam pengurusan antara faktor Malaysia dianggarkan mengalami kerugian antara RM40 bilion hingga RM60 bilion setiap tahun. RM1 bilion boleh digunakan sekurang kurangnya membina 50 hingga 60 sekolah atau 6,000 kilometer jalan kampung.

Ada kajian menganggarkan Malaysia mengalami kerugian hampir RM3 trilion dalam tempoh 25 tahun akibat amalan rasuah serta ketirisan dalam pengurusan negara.

Sesetengah menteri ahli politik dan penjawat awam yang tiada integriti menggunakan faktor kuasa, peluang serta tekanan dan merasionalkan tindakan untuk melakukan jenayah rasuah. Mereka akan ikuti contoh tidak baik daripada pimpinan atasan dengan alasan semua orang melakukan rasuah.

TIGA KRITERIA PEMIMPIN

Tiga kriteria penting untuk jadi pemimpin terutama menteri ialah integriti, merit dan berani kerana benar. Dari segi integriti, jalankan tugas dengan betul dan tinggalkan yang tidak baik atau melanggar undang undang.

Kedua, hendaklah kita pastikan apabila

hendak memilih ahli politik, kita tidak ada pilihan lain kecuali yang benar-benar mempunyai kelulusan, pakar dalam bidang tertentu dan bijaksana dalam menjalankan kewajipan pada rakyat dan negara, bukan kepentingan diri serta memperkayakan kroni.

Ketiga paling mustahak, adalah berani kerana benar tetapi tidak ramai pemimpin kita ada kriteria ini. Di negara ini, apabila lawan pegawai atasan, sama ada ahli politik atau ketua jabatan, tentu masa depan gelap.

Disebabkan itu, tidak ramai berani kerana banyak kes apabila pegawai kerajaan lawan menteri atau timbalan menteri, mereka akan dimasukkan dalam senarai ‘pool.’

Ini menyebabkan pegawai kerajaan takut untuk melawan arahan langgar undang-undang. Perbuatan ini hendaklah dihentikan dengan memperkenalkan Akta Perkhidmatan Awam serta pilih menteri benar-benar kerja untuk rakyat dan negara, bukan masuk politik untuk memperkayakan diri dan hidup mewah.

Sebagai Perdana Menteri, Anwar perlu membuat keputusan demi masa depan negara, bukan kepentingan politik. Kita perlukan negarawan memikirkan masa depan generasi akan datang, bukan ahli politik menanti bila pilihan raya.

Penulis adalah Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM).

MENINGKATKAN INTEGRITI KEPEMIMPINAN

Oleh Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim



Integriti ialah satu asas yang penting sebagai nilai yang dihayati oleh pekerja dan majikan dalam apa-apa saja agensi negara, iaitu yang merupakan perlaksanaan nilai moral, etika dan disiplin dalam pekerjaan.

Perhubungan di antara rakan sekerja dan pasukan semua institusi serta agensi haruslah terbina di atas dasar kepercayaan dan keberkesanan kerjasama yang sihat sebagai satu pasukan yang bermoral dan beretika, untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang universal dan beramanah. Apa-apa saja definiensi integriti dan mutu kerja yang sering di tekankan adalah berasaskan unsur dan rukun ini dalam semua hasil kerja dan perkhidmatan.

Setiap pekerja yang mempunyai nilai integriti yang menghayati nilai dan perhubungan sejagat dengan rakan sekerja, pelanggan dan majikannya, maka sifat amanah dan jujur dalam erti kata yang mendalam, sering menjadi dasar dan falsafah serta perlaksanaan mereka di dalam semua tugasannya serta urusan yang di jalankan.

Kepimpinan negara haruslah terdiri dari kalangan yang bebas dan bijaksana dalam pengurusan akal fikiran serta perasaan dalaman dan kerohanian, yang professional dan bertangungjawab kepada falsafah hidup yang mulia dan kualiti adab serta tingkah laku yang membina.

Sesuatu institusi dan sistem hidup yang baik, akan menjadi rosak binasa dan hancur lebur, sekirang di tangani dan diuruskan oleh pemimpinnya yang rosak



akhlik dan rendah moral serta etikanya, yang bersifat keperibadian melulu dan sempit untuk kepentingan diri sendiri serta melupakan kepentingan awam sama sekali.

Kepimpinan negara juga haruslah di serahkan kepada tokoh-tokoh yang bukan hanya dapat menyelaraskan dan meningkatkan perhubungan sesuatu kaum, malah yang peka dan dapat berlaku adil dalam urusan negara untuk semua kaum dan rakyat plural negara kita, kerana kita telah pun menjalankan pengurusan berbilang kaum ini dengan baik sekali.

Beberapa asas dan falsafah hidup yang dikemukakan di atas adalah merupakan ciri-ciri penting dalam melaksanakan pembentukan Kabinet Kerajaan yang merupakan tiang seri negara dalam melaksanakan negara yang berkebajikan, aman damai, makmur dan terkehadapan dalam bidang ekonomi, pendidikan, perhubungan antarabangsa dan sumbangan kepada keadilan setempat dan dunia umumnya.

Kita sedar bahawa orang yang mempunyai sifat ikhlas ini sering menarik perhatian

orang awam untuk berinteraksi dan bekerjasama dengannya di dalam segala bidang kehidupan dan agenda perjuangan kecil dan besar untuk kepentingan segala peringkat rakyat.

Perilaku dan tindakan pekerja atau sesejapa saja yang menonjol di dalam masyarakat besar dan kecil, akan ternyata dalam tindakan dan contoh baik mereka dalam segala perilaku mereka dari yang kecil kepada yang besar dan penting.

Perhatikan contoh kecil berikut yang menggambarkan sifat keperibadian yang berintegriti seseorang itu: iaitu seorang wanita memasuki tandas wanita pada suatu hari. Dia menggunakan kertas tandas yang terakhir yang disediakan. Dia tidak mengharapkan bahawa kertas itu akan diisikan seterusnya oleh pekerja tandas, malah mencari tempat simpanan untuk mendapatkan kertas tandas yang baru, dan mengantikannya di tempat yang kosong itu untuk pengunjung tandas seterusnya. Pastinya hal itu mungkin mengambil masanya hanya beberapa minit sahaja, tetapi perbuatannya pasti akan memudahkan pengunjung yang berikut dan juga pekerja tetap di tempat itu yang mungkin sedang sibuk di tempat lain.

Bagi rakyat umum yang beragama dan memahami nilai universal agamanya tentulah menyedari akan falsafah agama masing-masing sebagai ajaran sejagat, iaitu jangan mencuri, jangan menipu, jangan bercakap bohong dan bersifat dengan sifat-sifat buruk seterusnya.

Penulis adalah Ahli Lembaga Pengarah
Institut Integriti Malaysia (IIM).

MENDEPANI CABARAN MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DAN TATA KELOLA TERBAIK MASYARAKAT DAN NEGARA



Oleh Mohd Rais Ramli

Tanggal 4 Mac 2004, sejarah tercipta apabila tertubuhnya Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui hasrat kerajaan untuk pemantapan etika dan integriti serta membudayakan integriti dalam kalangan semua anggota masyarakat melalui rangka kerja Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 23 April 2004.

Pelan Integriti Nasional (PIN) memenuhi cita-cita dan matlamat yang diungkapkan dalam Rukun Negara dan Wawasan 2020. Perancangan yang teliti dan komitmen yang teguh seluruh masyarakat dan negara amat diperlukan untuk tujuan tersebut. Perancangan dasar, strategi dan program itu harus menyeluruh, mampu mengenal pasti faktor-faktor yang menjelaskan integriti, menggariskan

strategi dan pelan tindakan, serta menunjukkan faktor-faktor utama penentu kejayaan strategi dan pelan berkenaan.

Mengisi perjuangan hampir 18 tahun IIM untuk membudayakan integriti dan tadbir urus masyarakat dan negara jelas memperlihatkan kematangan kewujudan dan tanggungjawab IIM selari dengan perubahan lanskap pentadbiran negara dan agenda meningkatkan integriti negara. Pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019 bagi memperkuatkannya lagi usaha kerajaan secara simboliknya menggantikan PIN. Perubahan ini adalah cabaran baharu terhadap fungsi dan cabaran IIM untuk terus kekal relevan sebagai agensi penting pentadbiran negara. Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 amat signifikan dalam mencerminkan

harapan rakyat untuk membentuk sebuah negara yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan ketulusan, akauntabiliti dan integriti.

Tema sambutan hari ulangtahan IIM pada tahun ini berintipatikan kelestarian pematuhan tata kelola, integriti dan antirasuah dalam usaha memerangi penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah sehingga ke akar umbi dapat dicapai. Pendekatan yang sistematik ini bukan hanya tertumpu kepada apa yang sepatutnya sesebuah organisasi atau negara perlukan dalam konteks tadbir urus yang melibatkan prosedur, tatacara, perkeling, arahan dan peraturan, tetapi lebih luas merangkumi bagaimana sumber manusia atau insan atau pekerja itu ditadbir uruskan dengan baik. Aset yang paling berharga dalam sesebuah organisasi adalah pekerja, aset yang paling berharga dalam sesebuah negara adalah rakyatnya.

Kemerosotan integriti seperti yang dinyatakan dalam PIN (2004-2018) terbahagi kepada lima aspek utama iaitu; Kepimpinan, Sistem dan Prosedur, Struktur dan Institusi, Budaya dan Individu. Manakala, NACP (2019-2023) pula menyatakan bahawa cabaran jenayah rasuah di Malaysia antaranya adalah; Campur Tangan Ahli Politik Dalam Pentadbiran dan Kewangan Kerajaan, Kurangnya Kepimpinan dan Kemahuan Politik; Badan Perundangan dan Badan Penguatkuasaan yang Bebas. Tidak kira bagaimana rasuah ditafsirkan hari ini, satu perkara yang jelas, integriti dan tadbir urus insan atau individu merupakan penyelesaian bersama kepada jenayah



**Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP)
2019-2023**


RENCANA / ARTIKEL BERITA

rasuah. Ringkasnya, tiada rasuah jika manusia bertindak secara berintegriti; konsisten dalam melakukan perkara yang betul walaupun tiada siapa yang memerhatikan tindakan tersebut.

Ruang lingkup NACP sebagaimana yang ditekankan dalam dokumen tersebut menegaskan bahawa integriti menjadi nukleus kepada tadbir urus. Tadbir urus didefinisikan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) menerusi kertas dasarnya pada tahun 1997 sebagai pelaksanaan kuasa ekonomi, politik dan pentadbiran dalam menguruskan hal ehwal negara di semua peringkat. Ia terdiri daripada mekanisme, proses dan institusi yang menjadi wadah kepada warganegara dan kumpulan tertentu menyatakan kepentingan mereka, menjalankan hak mereka di sisi undang-undang, memenuhi kewajipan mereka dan memurnikan pendapat mereka.

Memandangkan integriti merupakan isu insan, tata kelola diperluas untuk merangkumi dimensi insan seperti yang ditunjukkan dalam prinsip tadbir urus insan. Ini menjurus kepada tata kelola yang berhubungan dengan aspek kerohanian dan kesedaran diri, pematuhan kepada peraturan, serta mekanisme, proses dan prosedur akan berlaku dengan sendirinya.

Rasuah telah melangkaui penyalahgunaan kuasa oleh penjawat awam sehingga meresap jauh ke dalam susuk moral dan sosial masyarakat keseluruhannya kerana kita tidak dapat lari daripada cabaran



perubahan norma baru kehidupan, digitalisasi, Revolusi 4.0 dan perubahan ekonomi digital. Dunia 10 tahun akan datang semestinya berbeza dengan keadaan sekarang, Data Raya (*Big Data*), Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence - AI*) dan Rantaian Blok (*Blockchain*) adalah faktor utama yang mempengaruhi inisiatif pembudayaan integriti, tadbir urus masyarakat dan negara.

Ekosistem pengurusan dan pengukuhan integriti perlulah dilaksanakan dengan komitmen yang tak berbelah bagi oleh semua peringkat pengurusan dan pentadbiran sektor awam, sektor korporat dan masyarakat keseluruhannya. Inisiatif-inisiatif penting seperti pelaksanaan *Anti Bribery Management System* (ABMS) ISO 37001:2016, membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP), memperkuatkannya proses pengambilan pekerja, kenaikan pangkat dan pengurusan risiko dan bakat

menggunakan pendekatan penilaian integriti (*Individual Integrity Profile - IIP*), mengenalpasti tahap kesihatan integriti organisasi (*Integrity health check - Integrity Assessment Tool - IAT*) dan seterusnya menyediakan ragka latihan integriti dan anti rasuah yang berimpak tinggi adalah menjadikan komitmen pengurusan tertinggi organisasi “lanya bukan lagi pilihan, tetapi kewajipan”.

Institut Integriti Malaysia (IIM), adalah rakan kerjasama paling strategik diperingkat organisasi mahu pun kerajaan dalam merangka, membangun seterusnya melaksanakan inisiatif-inisiatif pembudayaan integriti, tadbir urus dan anti rasuah. Semoga usaha dan hasrat supaya Malaysia dikenali dengan integriti dan bukannya rasuah dapat sama-sama kita capai. InsyaAllah!

Penulis adalah Ketua Seksyen, Seksyen Perancangan dan Strategik Korporat IIM.

Bangkitlah Malaysia Hapuskan Rasuah!

Bangunlah Rakyat Malaysia Dengan Integriti!

Hancurkan Musuh-Musuh Negara!

Tinggalkan Warisan Negara dan Bangsa Berdaulat



SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

PELANCARAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022 PERINGKAT IIM DAN PELANCARAN DEWAN MURNI

1 NOVEMBER 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Oktober 2022, merasmikan Dewan Murni serta melancarkan Bulan Integriti Nasional 2022 Peringkat IIM pada 1 November 2022.

Pada majlis ini, beliau telah berkongsi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan IIM sepanjang bulan Oktober 2022 antaranya kejayaan menjalankan kerjasama strategik bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) di Sarawak.

Sempena sambutan Bulan Integriti Nasional 2022, Datuk KPE turut menyeru warga IIM untuk terus menyemarakkan semangat pembudayaan nilai integriti. Pada bulan ini juga, IIM dengan kerjasama beberapa pihak termasuk sektor awam dan swasta juga akan melaksanakan pelbagai program bagi



tujuan memantapkan pembudayaan nilai-nilai tadbir urus, integriti dan anti rasuah.

Antara program yang telah dirangka termasuklah menerusi penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam : Integriti Jambatan Keberkatan yang akan disiarkan secara langsung menerusi slot rancangan

Forum Perdana Ehwal Islam di TV1 pada 3 November 2022 (Khamis), jam 9.00 malam hingga 10.00 malam.

Seluruh warga kerja turut membaca Ikrar Integriti Korporat IIM sebagai tanda komitmen dalam melaksanakan tugas dengan penuh integriti.



FORUM PERDANA EHWAL ISLAM: INTEGRITI JAMBATAN KEBERKATAN

3 NOVEMBER 2022



Bulan November merupakan Bulan Integriti Nasional dimana tema yang diangkat pada tahun ini adalah **“Integriti Teras Keluarga Malaysia”**.

Pelbagai program telah dirangka bagi menjayakan sambutan Bulan Integriti Nasional antaranya menerusi penganjuran **Forum Perdana Ehwal Islam: Integriti Jambatan Keberkatan** yang akan disiarkan secara langsung menerusi slot rancangan Forum Perdana Ehwal Islam di TV1 pada 3 November 2022 (Khamis), jam 9.00 malam hingga 10.00 malam.

Forum Perdana Ehwal Islam (FPEI) anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang julung kali diadakan ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Ia akan membicarakan topik menyentuh penghayatan nilai integriti mengikut perspektif islam.

Forum ini telah menampilkan tiga orang ahli panel terkemuka iaitu YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim, Ahli Lembaga Pengarah IIM; YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah, Rektor Universiti Islam Antarbangsa Selangor; dan YBhg. Dato' Haji Badli Shah

bin Haji Alauddin, Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan.

Hadir sama pada Forum ini ialah YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM; YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM; YBhg. Datuk Dr. Alauddin bin Sidai, Pengarah INTAN serta Ketua-Ketua Jabatan termasuk Agensi Sektor Awam dan Swasta.

Sambutan Hari Integriti Nasional yang disambut pada setiap tahun ini adalah bertujuan bagi memupuk kesedaran bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam malah di setiap lapisan masyarakat mengenai keperluan dan kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan.

Penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam ini telah dihadiri seramai 350 penonton secara fizikal dan selebihnya mengikuti



secara langsung di siaran TV1, Facebook live JAKIM, IIM dan INTAN.

Sempena sambutan bulan Integriti Nasional 2022, IIM dengan kerjasama beberapa pihak termasuk sektor awam dan swasta akan melaksanakan pelbagai program sepanjang bulan November bagi memupuk kesedaran dan meningkatkan pembudayaan integriti seluruh Keluarga Malaysia. Ini selari dengan mandat yang baru diberikan kepada IIM sebagai peneraju utama integriti negara.

Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2022, forum yang bertemakan “Integriti Dalam Pengurusan Kualiti” 10 November 2022 bertempat di UiTM Puncak Alam.

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022**SAMBUTAN HARI INTEGRITI TELEKOM MALAYSIA (TM) 2022 “INTEGRITI TANPA KOMPROMI”****1 NOVEMBER 2022**

YBhg. Datuk KPE telah memenuhi jemputan sebagai Ahli Panel forum sempena Sambutan Hari Integriti Telekom Malaysia (TM) 2022 yang bertemakan “Integriti Tanpa Kompromi” pada 1 November 2022 bertempat di Pusat Konvensyen TM.

Datuk Wan Suraya telah mengupas secara terperinci berkaitan peranan IIM dan program-program yang dilaksanakan oleh IIM sepanjang bulan November sebagai pengisian Bulan Integriti Nasional.

Beliau turut menekankan tentang bagaimana Integriti bermula dari Keluarga ke tempat kerja dan peringkat komuniti, sejajar dengan tema sambutan Bulan Integriti Nasional 2022 iaitu “Integriti Teras Keluarga Malaysia”.

Ahli panel lain yang turut sama pada forum ini termasuklah YBrs. En. Imri Mokhtar, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM dan YBhg. Dato’ Allaudeen Abdul Majid, Timbalan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Manakala moderator pada forum yang sama ialah YBrs. Dr. Muhammad Mohan, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M).

Majlis perasmian Sambutan Hari Integriti telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Norazlan Mohd Razali Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Turut hadir ialah YBhg. Tan Sri Azlan Hashim, Pengerusi TM.

Seramai 400 orang peserta telah hadir ke majlis sambutan Hari Integriti TM ini termasuk ahli lembaga pengarah TM, pihak pengurusan TM, warga kerja TM, warga TM, rakan-rakan strategik rakan niaga dan rakan pembekal TM serta tetamu jemputan yang lain.



SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

PERSIDANGAN DAN PAMERAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BORNEO 2022 (BORNEO OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH CONFERENCE AND EXHIBITION 2022 - BOSH 2022)

2 NOVEMBER 2022

Bhg. Datuk KPE telah membentangkan kertas bertajuk "Integrity and Governance: Drive Towards a Sustainable Nation" pada Persidangan dan Pameran BOSH 2022.

Beliau telah mengulas secara terperinci berkaitan kepentingan integriti dan governans dalam konteks keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH). Turut ditekankan adalah kepentingan kemampuan integriti dan governans di kalangan pengamal kesihatan pekerjaan.

Seterusnya, Datuk KPE telah mengadakan perbincangan bersama YBrs. Tuan Hj. Ayob bin Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH. Turut hadir Mejar Hj. Hanif Maidin, Setiausaha Eksekutif

NIOSH dan En. Syamsul Zahrin Zainudin, Ketua Pegawai Eksekutif NIOSH Certification Sdn. Bhd. Antara yang dibincangkan termasuklah cadangan pemurnian kerjasama strategik di antara IIM dan NIOSH khususnya dalam penerapan nilai integriti dan governans dalam modul latihan dan pensijilan OSH.

BOSH 2022 telah dihadiri seramai 300 peserta yang terdiri daripada pihak pengurusan, majikan, pengamal kesihatan pekerjaan, penyelidik, ahli akademik serta penjawat awam negeri dan Persekutuan.



Turut sama menghadiri persidangan ini ialah Puan Maisyarah Mansoruddin, dan Puan Nurdiana Shaharudin dari Seksyen Sistem Pembangunan Standard, IIM.

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

CERAMAH PENGUKUHAN INTEGRITI, SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

11 OGOS 2022



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan idea dalam sesi khas **Ceramah Pengukuhan Integriti, sempena Sambutan Hari Integriti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** yang telah diadakan di MIDA Sentral pada 15 November 2022. Majlis telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai MIDA.

Ceramah Integriti bertajuk, "Integriti dan Tadbir Urus Baik Memacu Kecermerlangan Organisasi" telah disampaikan oleh En. Mohd Rais Ramli, Ketua Seksyen Perancangan dan Strategik Korporat IIM. Turut hadir adalah En. Fison Hamdi Ahmad, Ketua Seksyen Latihan IIM pada 15 November 2022 bertempat di MIDA Sentral.

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI DAN KUALITI UiTM 2022 “INTEGRITI DALAM PENGURUSAN KUALITI”

10 NOVEMBER 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE), Institut Integriti Malaysia (IIM) telah memenuhi jemputan sebagai Ahli Panel Forum sempena Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2022.

Forum yang bertemakan “Integriti Dalam Pengurusan Kualiti” ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kualiti Sedunia 2022 pada 10 November

2022 bertempat di Dewan Berlian UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Dalam forum tersebut, KPE telah menekankan peranan institusi pengajian tinggi seperti UiTM untuk memberikan moral kompas kepada para siswa melalui penerapan nilai murni diperingkat awal sebelum mereka keluar dan memasuki alam pekerjaan kelak.

Beliau juga menegaskan dalam sesbuah organisasi amat penting untuk sentiasa berkomunikasi dan mengamalkan tadbir urus yang baik.

Turut bersama-sama sebagai ahli Panel adalah YBhg. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM, YBrs. Tuan Haji Muhammad Nizam Noordin, Pendaftar UiTM dan moderator forum adalah YBhg. Profesor Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA



SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK IIM 2023-2025

24-27 NOVEMBER 2022

KETUA PEGAWAI EKSE



Bengkel Pembangunan Pelan Strategik IIM 2023-2025 telah diadakan pada 24-27 November 2022 bertempat di Pulau Pinang. Bengkel ini bertujuan memurnikan perancangan halatuju IIM bagi

tahun 2023 di samping membina kesepakatan kalangan warga kerja, selaras dengan nilai teras IIM iaitu Integriti, Kerja Berpasukan dan Profesional dalam melaksanakan tugas.

Pelbagai aktiviti dan program juga telah diadakan bagi memupuk kemesraan dan kesefahaman di antara warga kerja IIM.

Turut hadir, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan pihak pengurusan IIM.



SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

PENYAMPAIAN TEKS KHUTBAH JUMAAT BERTAJUK “INTEGRITI TERAS KESEJAHTERAAN KELUARGA DAN MASYARAKAT” DI MASJID-MASJID DALAM NEGARA

11 NOVEMBER 2022

Penyampaian teks Khutbah Jumaat bertajuk “Integriti Teras Kesejahteraan Keluarga dan Masyarakat” di masjid-masjid seluruh Wilayah Persekutuan pada 11 November 2022. Sempena Bulan Integriti Nasional yang disambut pada bulan November setiap tahun, masjid-masjid bagi seluruh Wilayah Persekutuan telah menyampaikan teks Khutbah Jumaat bertajuk “Integriti Teras Kesejahteraan Keluarga dan Masyarakat” pada 11 November 2022.

Antara intipati yang telah disampaikan pada Khutbah Jumaat ini termasuklah peranan Institut Integriti Malaysia (IIM) dalam menjayakan agenda Integriti Nasional menerusi pelaksanaan pelbagai program kesedaran bersama



sektor awam, swasta dan merangkumi masyarakat sepanjang bulan November.



IIM turut melaksanakan sesi rakaman dan temu ramah bersama Prof. Dr. Wan Mohd Azizi bin Wan Sulaiman, Naib Canselor Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) di Masjid Ibnu Sina, Taman

Tasik Titiwangsa. Selain itu, IIM turut mengadakan sesi rakaman temu ramah di dua (2) buah masjid di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI).

Integrity is a crucial attribute that contributes to the development of ideal human behavior and personality. The best norms and standards of conduct in a person's life are presented by good values that we called Mahmudah. The value of integrity will not only alter the social landscape and environment, but it will also aid a nation in attaining the objectives and successes set forth so that Malaysia is recognized for its integrity rather than its corruption.

Being a follower and creating a contented, harmonious family both benefit from the principle of integrity. In actuality, the ideal response to integrity crises in interpersonal, familial, organizational, and societal contexts is integrity based on Islamic values that emphasize spiritual fortitude and the belief in monotheism.

In Malaysia, the phrase “Malaysian Family” transcends distinctions of race, religion, and ethnicity. This is seen in the variety of long-standing cultures and religions that make Malaysia regarded as a nation of unity and the significance of moral principles in social conventions. The principles of receiving the best education and starting a family are linked to the integrity of the nation.

The inclusivity, togetherness, and appreciation that make up the three main principles of the Malaysian Family Concept that YAB Prime Minister first proposed should be welcomed and incorporated into the principles of communal life. The concept of fostering honesty and trust is also added as an enrichment element to the fundamental value of the Malaysian Family Concept that was created based on these guiding principles.

From the lives of the Apostles, we may learn a great deal about the virtue of honesty. In surah Al-Qasas (verse 26), Allah S.W.T. says the following about Nabi Musa A.S., who demonstrated honesty and high integrity by performing his duties perfectly:

Meaning: "One of them (the two daughters of Prophet Shu'aib peace be upon him) said: 'Oh father, take him (Prophet Musa peace be upon him) as a hired man (to shepherd our goats). Indeed, the best person that my father hires is someone who is strong and trustworthy.' "

Every year, National Integrity Day is observed with the goal of raising awareness of the significance and necessity of upholding moral principles and integrity at all levels of society, not just among civil workers.

One can be led down the righteous road by the integrity that every Muslim is expected to possess as a duty to their religion. For the principle of integrity is applied as a guide when building a family, the benefits or advantages can be obtained not only by the Muslim individual himself, but also by his family and even by Muslims as a whole. Islam also places a lot of emphasis on cultivating and practicing the concept of integrity, which is trust in a person's life. As stated in Surah Al-Anfal (27) of the Qur'an:

Meaning: Oh people who believe! Do not betray (the trust of) Allah and His Messenger, and (do not) you betray your trusts, while you know (the wrong).


The Institute of Integrity Malaysia (IIM) will implement various awareness programs in November in conjunction with the commemoration of National Integrity Month 2022, as well as enhancing and empowering the national integrity ecosystem and culture in all sectors, including public, private, and for the entire Malaysian Family in general. With any luck, this will help to strengthen and advance the culture of national and communal integrity values in the future.

Let's work together to strengthen how we live by and instill integrity-based principles in ourselves to create the spirit of the Malaysian family. Avoid anything that can diminish the worth of the civilization that a long-established community has built. The following important elements will serve as the preacher's summary of the sermon today:

Firstly: The nature and value of integrity must be owned and applied by every Muslim as a responsibility towards our religion and our sacred agreement with Allah SWT.

Secondly: To create a Malaysian family with high moral standards, good values (mahmudah) must be fostered, practiced, and appreciated.

Thirdly: Abstain from immoral behavior and maintain integrity in all aspects of life so that we can both create a moral and ethical community and, at the same time, develop into a nation that is admired for its integrity rather than its corruption.



SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI MAJLIS BANDARAYA MIRI

11 NOVEMBER 2022



Sambutan Bulan Integriti Majlis Bandaraya Miri yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak pada 11 November 2022 bertempat di Miri, Sarawak.

Bersempena lawatan kerja YBhg. Datuk Wan Suraya, Ketua Pegawai Eksekutif IIM ke Miri Sarawak pada 11 November 2022 bagi Sambutan Bulan Integriti Majlis Bandaraya Miri, satu perjumpaan dan perbincangan ringkas telah diadakan bersama pihak Lembaga Pelabuhan Miri yang diwakili oleh En. Douglas Fook.

Lembaga Pelabuhan Miri menyatakan hasrat untuk mendapatkan khidmat rundingcara daripada IIM dalam membangunkan ABMS. IIM juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Pelabuhan Miri kerana berjaya menyertai Anugerah Integriti, Governans dan AntiRasuh (AIGA) 2022.

Pada hari yang sama, IIM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Miri, YB Adam Yi Siew Sang dan pihak pengurusan Majlis Bandaraya Miri (MBM).

Perbincangan menjurus kepada kerjasama strategik antara IIM dan MBM bagi membudayakan Integriti dan Governans terutamanya dalam pelaksanaan ABMS dan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB). Kerjasama strategik ini juga akan melibatkan pembangunan program latihan dan pensijilan khusus kepada kakitangan MBM.

Perbincangan telah dihadiri oleh Pemangku Setiausaha MBM, En. Abdul Rahman Taupek, Pn. Siti Suhana Rosli, Ketua Unit Integriti MBM, En. Mohd Rais Ramli, Ketua Seksyen Perancangan dan Strategik Korporat IIM dan En. Izal Arif Zahrudin dari Pejabat KPE IIM.

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL 2022

SAMBUTAN BULAN INTEGRITI PERINGKAT NEGERI PAHANG 2022

30 NOVEMBER 2022



Bersamaan dengan sambutan Bulan Integriti Nasional yang disambut pada bulan November setiap tahun, Yayasan Pahang dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) telah mengadakan Sambutan Bulan Integriti Peringkat Negeri Pahang 2022 pada hari ini, 30 November 2022.

Program yang berlangsung di Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan ini telah dihadiri hampir 200 orang peserta yang mewakili semua jabatan dan agensi di seluruh negeri Pahang termasuk anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Pahang.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pengurusan), YH Dato' Dr. Mohd Zakaria Bin Ibrahim yang mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Turut bersama dalam majlis sambutan ini juga adalah Ketua Pegawai Eksekutif IIM, YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi dan Naib Canselor Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP), YH Profesor Emeritus Dato' Dr. Ahmad Bin Haji Zainuddin.

Antara pengisian utama program ini adalah Forum Pemerkasaan Integriti

bertajuk "Pahang Berintegriti, Masyarakat Sejahtera". Ahli Panel terdiri daripada YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek Bin Hassan, Mantan Ketua Setiausaha Negara; YBhg. Dato' Sri Akhbar Bin Abdul Satar, Ahli Lembaga Pengarah IIM dan Puan Nuridzuana Binti Ismail, Ketua Integriti dan Tadbir Urus Maxis Berhad.

Dalam majlis ini turut diadakan sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara IIM dan UCYP yang merupakan inisiatif kerjasama strategik terbaru IIM bersama institusi pengajian tinggi.

Pada sebelah petang pula program sambutan telah diisi dengan sesi Ceramah



Pengukuhan Integriti Mahasiswa UCYP dengan kehadiran seramai 100 orang peserta yang meliputi pelajar-pelajar UCYP dari pelbagai bidang. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Zarina Binti Mohamad Amin, Konsultan Kanan, Seksyen Latihan, IIM.



PROGRAM LUAR NEGARA

FORUM “PROMOTING A FAIR BUSINESS ENVIRONMENT IN ASEAN (FAIRBIZ)”

24 NOVEMBER 2022

Bhg. Datuk KPE memenuhi undangan United Nations Development Programme (UNDP) sebagai ahli panel forum bagi projek **“Promoting A Fair Business Environment in ASEAN (FairBiz)”** yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 24 November 2022.

Program ini dirangka oleh UNDP khusus sebagai forum untuk memperkuuhkan jaringan kerjasama antara sektor awam dan swasta khususnya dalam memantapkan nilai tadbir urus, integriti dan anti-rasuah khususnya di kalangan negara-negara ASEAN.

KPE telah berkongsi tentang peranan serta pengalaman IIM sebagai peneraju inisiatif penerapan dan pemantapan integriti dan tadbir urus di seluruh peringkat masyarakat di Malaysia. Ahli panel forum lain termasuklah Dr. Hady Fink dari Partnership for Transparency Europe, Encik Utit Buasri, Setiausaha Agung Suruhanjaya Anti Rasuah Nasional



Thailand, Encik Hoang Duc Hung dari Biro Anti Rasuah Inspektorat Kerajaan Vietnam dan Encik Pahala Nainggolan dari Agensi Pencegahan Rasuah Nasional Indonesia.

PROGRAM LUAR NEGARA

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS DUTA BESAR MALAYSIA KE THAILAND

23-24 NOVEMBER 2022



Datuk KPE telah membuat kunjungan hormat ke atas Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel semasa lawatan kerja beliau ke Bangkok, Thailand pada 23-24 November 2022.

Antara lain, KPE telah berkongsi tentang gerak kerja terkini IIM dalam bidang integriti dan tadbir urus. IIM juga telah membekalkan beberapa salinan Buletin IIM untuk edaran Malawakil Bangkok.


Selain itu, IIM juga berhasrat menjalin kerjasama lebih erat dengan pihak United Nations Development Programme (UNDP)



khususnya dalam program-program usahasama seperti penyelidikan dan penerbitan di dalam bidang integriti dan tadbir urus.

Bagi tujuan tersebut, Datuk KPE turut mengadakan pertemuan dengan Encik Darko Pavlovic dan Puan Jehan Wan Aziz dari UNDP. Perbincangan menjurus kepada peranan dan ruang kerjasama di antara IIM dan pihak UNDP dalam melaksanakan inisiatif penerapan dan pemantapan integriti dan tadbir urus serta “benchmarking” di peringkat serantau dan antarabangsa.

PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL OLEH JABATAN DAN AGENSI SEKTOR AWAM DAN SWASTA



PROGRAM KESEDARAN PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB) PERINGKAT DAERAH MATU DAN DARO (MDMD) SARAWAK

1 OKTOBER 2022



Institut Integriti Malaysia (IIM) telah selesai menganjurkan Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) peringkat Daerah Matu dan Daro (MDMD) Sarawak pada 1 Oktober 2022.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi,

Ketua Pegawai Eksekutif, IIM serta disaksikan oleh YBhg. Tuan Desmond Douglas Jerukan mewakili Datu Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (KPKT); YBrs Tuan Ahmad Jerry Hj Hashim, Setiausaha Majlis MDMD; dan YBrs Shamsul Bojeng, Ketua Penolong Pengarah Unit Integriti Dan Ombudsman

Sarawak (UNIONS).

Majlis telah dihadiri seramai 70 orang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Pemantau Komuniti, Kontraktor-kontraktor terlibat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pegawai-pegawai (UNIONS) dan komuniti setempat.

CIB merupakan program rintis yang dibangunkan oleh IIM bersama pihak UNIONS yang berteraskan kepada konteks tempatan dalam membantu mengenal pasti kaedah penyelesaian terbaik dan bersesuaian bagi meningkatkan pembudayaan dan amalan integriti dalam komuniti setempat, khususnya yang melibatkan pihak Berkuasa Tempatan (PBT); Pembekal Perkhidmatan; dan Komuniti Tempatan itu sendiri.

PROGRAM KESEDARAN PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB) PERINGKAT DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (DBKU)

15 OKTOBER 2022

Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) peringkat Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) yang berlangsung pada 15 Oktober 2022 telah disempurnakan oleh YB. Datuk Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman) serta disaksikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan YBhg. Datu Haji Junaidi Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara.

Program CIB di DBKU yang bermula

sejak 18 Ogos 2022 lalu telah berjaya menyelesaikan 7 kes aduan melibatkan tiga (3) kawasan Kejiranan Mesra (KJM) iaitu Sungai Maong, Bandar Baru Samariang dan Taman Sukma. Kejayaan ini merupakan hasil penglibatan aktif Jawatan Kuasa Khas CIB (Pemantau) dan komuniti setempat dalam menyalurkan aduan kepada saluran CIB melalui Kumpulan Kerja Bersama (JWG) CIB yang dilantik oleh IIM dan DBKU.

Pada majlis sama turut diadakan simbolik peletakan papan tanda Program CIB di Kejiranan Mesra (KJM) Bandar Baru Samariang sebagai usaha meningkatkan



kesedaran masyarakat dari segi tanggungjawab, pengetahuan dan sikap ambil peduli dengan isu-isu di kawasan perumahan setempat.

PROGRAM KESEDARAN PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB) UNTUK SESI KE-2 DI PERINGKAT RESIDENSI SIBU

2 OKTOBER 2022



YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) untuk Sesi Ke-2 di peringkat Residensi Sibu pada 2 Oktober 2022.

Turut sama dalam majlis ini ialah YBhg. Tuan Desmond Douglas Jerukan, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (KPKT); YBrs. Tuan Hj Adana Hj Jed, Pengarah Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak (UNIONS); YBhg. Cr. Bujang Hj Abdul Hamid, Timbalan Pengurus Majlis Perbandaran Sibu (MPS); dan YBrs. Yong Ing Chu, Pemangku Setiausaha MPS.

Program CIB di MPS yang bermula sejak 18 Ogos 2022 lalu telah berjaya menyelesaikan 20 kes aduan hasil penglibatan aktif Jawatan Kuasa Khas CIB (Pemantau) dan komuniti setempat dalam menyalurkan aduan kepada saluran CIB melalui Joint Working Group (JWG) CIB yang dilantik oleh IIM dan MPS.

Aduan yang diterima juga secara tidak langsung membantu pihak kontraktor,

penyedia atau pembekal perkhidmatan dalam usaha meningkatkan amalan integriti diperangkat penyampaian perkhidmatan serta mengenalpasti tindakan penyelesaian yang perlu dilaksanakan seperti mana dalam Service Licensing Agreement (SLA).

Pada majlis sama turut diadakan simbolik peletakan papan tanda Program CIB di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Bahagia sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat dari segi tanggungjawab, pengetahuan dan sikap ambil peduli dengan isu-isu di kawasan rumah mereka seperti isu Sampah, Longkang & Rumput (SLR), Perparitan, Kenderaan Terbiar di kawasan taman dan landskap.

CIB merupakan program rintis baru yang dibangunkan oleh IIM bersama pihak UNIONS sejak bulan Julai 2022 yang berteraskan kepada konteks tempatan dalam membantu mengenal pasti kaedah penyelesaian terbaik dan bersesuaian bagi meningkatkan pembudayaan dan amalan integriti dalam komuniti setempat, khususnya yang melibatkan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Sibu (MPS); Pembekal Perkhidmatan (Kontraktor); dan Komuniti Tempatan itu sendiri.

Sejurus selepas Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) peringkat Daerah Matu dan Daro (MDMD), Datuk KPE IIM bersama pasukan CIB seterusnya telah mengadakan simbolik peletakan papan tanda Program CIB di hadapan Dewan Serbaguna MDMD.

Turut diadakan sesi lawatan dan aktiviti gotong royong di tiga (3) Kawasan Rukun Tetangga (KRT) iaitu di Kampung Tian; Medan Selera dan Pasar Matu; dan Kampung Kuala Matu Hilir.

Inisiatif ini secara langsung dapat meningkatkan kesedaran masyarakat dari segi tanggungjawab, pengetahuan dan sikap ambil peduli dengan isu-isu di kawasan rumah mereka seperti isu Sampah, Longkang & Rumput (SLR), Perparitan, Kenderaan Terbiar di kawasan taman dan landskap.

Untuk mengetahui sejauh mana tahap integriti penerima dan pembekal perkhidmatan, serta keberkesanannya program CIB ini, satu kajian rintis telah dilakukan dengan soal selidik bagi dua set soal selidik kajian telah diedarkan kepada penduduk setempat.

Program rintis yang bermula sejak bulan Julai 2022 ini melibatkan empat (4) residensi terpilih di Sarawak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu-Daro (MDMD).



PEMBENTANGAN LAPORAN AKHIR KEBERKESANAN CIB

PROGRAM RINTIS PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB)

2 DISEMBER 2022

Pembentangan laporan akhir tentang keberkesanan pelaksanaan Program Rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) IIM telah disempurnakan oleh Datuk KPE IIM kepada YB Datuk Dr Juanda Jaya, Timbalan Menteri Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) pada 2 Disember 2022.

Turut hadir Tn Hj Adana Hj Jed, Pengarah UNIONS serta Pegawai-Pegawai di empat (4) PBT yang terlibat iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD).

Program Rintis CIB IIM telah dilaksanakan di Sarawak sejak bulan Julai hingga bulan November 2022.

Pembentangan laporan Program Rintis ini menfokuskan kepada keberhasilan kolaborasi secara bersama antara IIM dengan pihak UNIONS yang turut melibatkan pembekal perkhidmatan (Kontraktor dan Pegawai Awam) dan penerima perkhidmatan (Penduduk). Antara lain program ini melihat sejauh mana (penyampaian perkhidmatan PBT), kepantasan Pembekal Perkhidmatan dalam mengambil tindakan bagi menyelesaikan isu atau aduan (Fix Rate) yang dibangkitkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam Service Licensing Agreement (SLA).

Selain itu, Kajian Persepsi Integriti dan Kepercayaan Awam juga telah dibangunkan oleh IIM bagi menilai dan mengukur secara keseluruhan indikator integriti pembekal perkhidmatan seramai 145 responden (39 Kontraktor dan 106 Pegawai PBT) dalam aspek ketelusan, akauntabiliti, penglibatan, penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus baik sebelum dan selepas program CIB dilaksanakan di 4 PBT yang terlibat.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui UNIONS hari ini secara prinsipnya berpuas hati dan bersetuju untuk memperluaskan program CIB IIM ini kepada seluruh negeri Sarawak mulai tahun 2023



yang akan melibatkan 12 Bahagian dan 26 PBT. Bagi tujuan tersebut, IIM telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan latihan Training for Trainers bagi pegawai PBT yang terlibat serta membantu membangunkan program pemantauan dan naziran.

Selain itu, lebih banyak program pendidikan dan kesedaran integriti kepada komuniti akan dibangunkan melalui pendekatan CIB amnya.

SEMINAR YAYASAN TUANKU FAUZIAH BERTAJUK “WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA”

20 OKTOBER 2022



YBhg. Datuk KPE IIM hadir sebagai Panel dalam Seminar Yayasan Tuanku Fauziah bertajuk “Wanita Dalam Pembangunan Negara” bertempat di Sanggar Tun Sri Lanang, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 20 Oktober 2022.

Yayasan Tuanku Fauziah merupakan sebuah pertubuhan di bawah naungan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis.

Datuk Wan Suraya telah mengupas secara terperinci berkaitan peranan wanita di dalam usaha penerapan dan pemantapan integriti. Ia mencakupi peranan wanita dalam pemantapan integriti diri dan keluarga serta organisasi. Beliau turut membentangkan beberapa dapatan terkini mengenai penglibatan wanita dalam ekonomi dan juga peranan wanita dalam mengurangkan kadar rasuah dalam negara.

Forum ini turut dianggotai oleh YBhg. Prof. Datin Dr. Nurdianawati Irwani Abdullah daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang telah mengupas tentang

peranan dan tanggungjawab wanita dalam pembentukan keluarga dari aspek pendidikan dan islam.

Majlis telah dihadiri seramai lebih 50 orang peserta dari kalangan warga kerja DBP dan juga jemputan luar. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.





INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) TELAH MENANDATANGANI MOU DENGAN INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA (NIOSH)

9 DISEMBER 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bagi merealisasikan kerjasama strategik dalam pembudayaan agenda Integriti dan Governans bagi pengamal-pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH).

Ketua Pegawai Eksekutif IIM, YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi mewakili IIM menandatangani MoU tersebut manakala NIOSH pula diwakili oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, YBrs. Tuan Haji Ayop bin Salleh dan yang disaksikan oleh Ahli Pengurusan Tertinggi IIM dan NIOSH.

Pada majlis ini, turut berlangsung Program Breakfast Talk bertajuk "Kepentingan Integriti dalam konteks Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH): Hala Tuju Bersama". Program santai ini membincarkan pelbagai aspek ruang lingkup OSH, antaranya inisiatif memperkasa kemampunan dan kelestarian di tempat kerja selain usaha membentuk ekosistem kehidupan berintegriti, berprinsip dan bebas dari rasuah.

Penganjuran majlis MoU dan program Breakfast Talk ini telah dihadiri seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja NIOSH, pengamal-pengamal OSH dan Ahli Pengurusan Tertinggi IIM.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

21 OKTOBER 2022

IIM telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat pada 21 Oktober 2022 (Jumaat) bertempat di Dewan Murni IIM. Majlis ini telah dihadiri oleh Pengurus Besar Kanan Khidmat Korporat IIM, Encik Mahummar Gadaffi Sorilaut bin Omar, Ketua-ketua Seksyen dan warga IIM.

Objektif majlis ini diadakan bagi menzahirkan kesyukuran atas penyiapan kerja-kerja naik taraf Dewan Murni yang telah dijalankan selama hampir 2 bulan. Selain itu, majlis juga diadakan bagi memohon keberkatan serta perlindungan dari Allah SWT bagi IIM dan warganya.

Dewan Murni IIM kini berwajah baru selepas ianya melalui proses naik

taraf dan pengubahsuaian bagi keselesaan serta kemudahan untuk menjalankan pelbagai aktiviti seperti seminar, perhimpunan mahupun latihan. Dewan Murni yang mampu berkapasiti sehingga 200 orang pada satu-satu masa boleh ditempah oleh agensi kerajaan dan pihak swasta bagi mengadakan program masing-masing.

YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM akan merasmikan Dewan Murni ini pada 1 November 2022

Sambutan Bulan Integriti Nasional akan turut melibatkan pelbagai Kementerian/



Agensi/GLC yang masing-masing akan menganjurkan program-program bertemakan integriti seperti seminar, forum, pameran dan pelbagai lagi sepanjang bulan November 2022.

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT IIM

7 OKTOBER 2022



Sekitar Sambutan Hari Sukan Negara Institut Integriti Malaysia (IIM) 2022 yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM pada 7 Oktober 2022.

Pelbagai aktiviti kecergasan telah diadakan antaranya Explorace @IIM, dan senaman zumba. Bersama Keluarga Malaysia Aktif.



IIM TURUT BERSAMA-SAMA DALAM PERHIMPUNAN BULANAN WARGA JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

29 NOVEMBER 2022



YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif serta beberapa pegawai kanan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menghadiri Perhimpunan Bulanan warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama YAB Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra, Putrajaya pada pagi ini, 29 November 2022.

Dalam amanat beliau, YAB Perdana Menteri telah menyeru seluruh kakitangan kerajaan agar bersama-sama membawa negara ke arah pemulihian. Selain itu, beliau menegaskan supaya dalam tata kelola pentadbiran kerajaan baharu tidak boleh lagi berlaku kelulusan perolehan tanpa tender bagi mengelakkan sebarang kebocoran, ketirisan dan rasuah terus berleluasa.

Perhimpunan ini turut dihadiri oleh YBhg Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan barisan pengurusan atasan serta pegawai-pegawai JPM, termasuk wakil-wakil penjawat awam daripada setiap jabatan/agensi di bawah JPM.

MAJLIS PERASMIAN OMBUDS DAY 2022 DI BORNEO CONVENTION CENTRE, KUCHING, SARAWAK

13 OKTOBER 2022

YBhg. Datuk KPE memenuhi jemputan pihak Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Premier Sarawak ke Majlis Perasmian Ombuds Day 2022 bertempat di Borneo Convention Centre, Kuching, Sarawak pada 13 Oktober 2022.


Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak bagi pihak YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak.

Ianya merupakan majlis yang julung

kali diadakan di negara ini bersempena sambutan Hari Ombuds yang disambut pada setiap hari Khamis minggu kedua bulan Oktober setiap tahun di seluruh dunia.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan dari Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuh Nasional (GIACC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Universiti Sains

Malaysia (USM) dan *Ombudsman for Financial Services* (OFS).



KPE IIM SEBAGAI AHLI PANEL FORUM DALAM *GOVERNANCE, RISK AND COMPLIANCE (GRC)* ASIA 2022

28 NOVEMBER 2022

YBhg. Datuk KPE telah memenuhi jemputan sebagai ahli Panel Forum dalam *Governance, Risk and Compliance (GRC)* Asia 2022 bertempat di Kuala Lumpur pada 28 November 2022.

Berdasarkan tema Forum bertajuk “Addressing the Challenges in the Implementation of Section 17A MACC Act 2009 and Discussing the Law Enforcement Patterns in Malaysia”, Datuk KPE telah berkongsi tentang peranan serta pengalaman IIM sebagai peneraju inisiatif penerapan dan pemantapan integriti dan tadbir urus dalam negara, terutamanya berkaitan liabiliti korporat serta produk Latihan yang ditawarkan oleh

IIM kepada sektor swasta berhubung Seksyen 17A Akta SPRM.

Turut dikongsikan ialah mengenai mandat baharu IIM yang berfokuskan kepada pendidikan, advokasi dan latihan; penyelidikan dan penerbitan; dan kerjasama strategik.

Antara ahli panel lain dalam sesi tersebut adalah Encik Rohizan Ahmad (Legal Director-Malaysia, Singapore & Australia, Japan Tobacco International), Puan



Annabella Subashini (Head of Compliance, Integrity & Ethics, Axiata Group Berhad), Encik Dzahidi Mohamad (Chief Integrity & Governance Officer, Affin Bank Group), dan Puan Reinushini Chandrasegaram (Chair-Professional Development, Malaysian Alliance of Corporate Directors).

MAJLIS ANUGERAH PERHUBUNGAN AWAM MALAYSIA (MPRA) 2022, KUALA LUMPUR SENTRAL

9 DISEMBER 2022

Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah hadir ke Majlis Anugerah Perhubungan Awam Malaysia (MPRA) 2022 yang berlangsung di Kuala Lumpur Sentral pada 9 Disember 2022.

Beliau merupakan salah seorang daripada ahli panel hakim Anugerah tersebut pada tahun ini yang bertujuan memupuk kecemerlangan industri perhubungan awam di Malaysia.



Turut menerima anugerah pada tahun ini adalah YBhg. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood, Presiden MERCY Malaysia dan YBhg. Dato' Sri Siti Nurhaliza atas sumbangan mereka kepada negara dalam bidang industri masing-masing.

SENARAI PROGRAM SEKSYEN PENGURUSAN INTEGRITI (SPI) OKTOBER – DISEMBER 2022

OKTOBER 2022

| No. | Program | Tarikh | Tempat |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|--------------------------------------------------|
| 1 | ABMS Phase 6 : System Verification - <i>Internal Audit Training</i> | 4-5 Oktober 2022 | Ibu Pejabat MARDI, Serdang |
| 2 | Bengkel CRA OACP Pejabat SUK Kelantan | 6 Oktober 2022 | Online |
| 3 | Bengkel OACP Pelan Tindakan Jabatan Warisan Negara | 6 Oktober 2022 | Ibu Pejabat JWN, Bangunan Sultan Abdul Samad, KL |
| 4 | Bengkel OACP Pelan Tindakan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) | 11-12 Oktober 2022 | Pejabat Kehakiman JKSNJ, Johor |
| 5 | <i>Public Traning</i> : Pembangunan dan Penggubalan OACP | 13 Oktober 2022 | Bilik Etika, IIM |
| 6 | Kursus Latihan Seksyen 17A, Akta SPRM | 17 Oktober 2022 | Online |
| 7 | Bengkel OACP Pemurniaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) | 17-18 Oktober 2022 | HQ TNB, Bangsar, KL |
| 8 | Mesyuarat Pelaksanaan Bengkel CRA OACP bersama SUK Sabah | 19 Oktober 2022 | Online |
| 9 | Bengkel CRA OACP - Data Analisis Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti | 19-21 Oktober 2022 | Ibu Pejabat, Putrajaya |
| 10 | Bengkel CRA OACP - Pemurniaan Yayasan Melaka | 26-27 Oktober 2022 | Wisma Yayasan Melaka, Melaka |
| 11 | ABMS Phase 7 : Management Review | 26-28 Oktober 2022 | HQ Mardi, Serdang |
| 12 | Bengkel OACP Pemurniaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor (JKSNJ) | 31 Oktober 2022 - 1 November 2022 | Hotel Paragon, Johor |

NOVEMBER 2022

| No. | Program | Tarikh | Tempat |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------|---------------------|-----------------------------|
| 1 | Bengkel CRA OACP - CRA & Data Analisis Lembaga Koko Malaysia | 1 November 2022 | Online |
| 2 | Bengkel CRA OACP - Pelan Tindakan Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti | 3 November 2022 | Putrajaya |
| 3 | Bengkel CRA OACP - Taklimat JKP Sdn Bhd | 4 November 2022 | Berjaya Hotel, Pulau Pinang |
| 4 | Bengkel CRA OACP - CRA & Data Analisis JKP Sdn Bhd | 7-9 November 2022 | Berjaya Hotel, Pulau Pinang |
| 5 | Bengkel CRA OACP - Taklimat Islamic Tourism Centre | 7 November 2022 | Online |
| 6 | Kick-off Meeting Bank Muamalat (CRA OACP) | 9 November 2022 | HQ Bank Muamalat, KL |
| 7 | Kursus Latihan Seksyen 17A Akta SPRM | 9 November 2022 | IIM |
| 8 | Bengkel CRA OACP - Taklimat Perbadanan Taman Negeri Perak | 10 November 2022 | Online |
| 9 | Bengkel CRA OACP - CRA & Pelan Tindakan Islamic Tourism Centre | 11-13 November 2022 | Sunway CLIO Hotel |
| 10 | Bengkel CRA OACP - CRA & Data Analisis Yayasan Perak | 14-16 November 2022 | Dorset Hotel, Putrajaya |
| 11 | Bengkel OACP Pelan Tindakan Lembaga Koko Negara | 15-17 November 2022 | Ibu Pejabat KOKO, Sabah |
| 12 | Bengkel OACP Pemurniaan Jabatan Warisan Negara | 15 November 2022 | Ibu Pejabat JWN, KL |
| 13 | Bengkel CRA OACP Pemurniaan - Islamic Tourism Centre | 22-23 November 2022 | Online |
| 14 | <i>Public Training</i> : CRA | 22-25 November 2022 | Dewan Murni, IIM |
| 15 | Bengkel CRA OACP - Pemurniaan - Lembaga Kenaf Tembakau Negara | 29-30 November 2022 | IBIS Style Hotel, Kelantan |
| 16 | Bengkel CRA OACP - Pelan Tindakan - JKP Sdn Bhd | 29-30 November 2022 | Berjaya Hotel, Pulau Pinang |

DISEMBER 2022

| No. | Program | Tarikh | Tempat |
|-----|-------------------------------------------------------------------|---------------------|---------------------------------------------------|
| 1 | Bengkel OACP - Taklimat Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK) | 1 Disember 2022 | Online |
| 2 | Bengkel CRA OACP - Pelan Tindakan - Yayasan Perak | 1-2 Disember 2022 | Hotel Kinta Riverfront, Ipoh |
| 3 | Bengkel CRA OACP - Taklimat Bank Muamalat | 2 Disember 2022 | HQ Bank Muamalat, Kuala Lumpur |
| 4 | Bengkel CRA OACP - CRA & Data Analisa SUK Kelantan | 5-7 Disember 2022 | Hotel Crown Garden, Kelantan |
| 5 | Perbentangan OACP SUK Pahang | 6 Disember 2022 | Ibu Pejabat, SUK Pahang, Kuantan |
| 6 | <i>Public Training</i> : Taklimat Pembangunan & Penggubalan OACP | 8 Disember 2022 | Bilik Etika, IIM |
| 7 | Bengkel CRA OACP - Pemurnian - Lembaga Koko Malaysia | 8-9 Disember 2022 | Online |
| 8 | Ceramah Seksyen 17A Akta SPRM | 9 Disember 2022 | Hospital Pusrawi |
| 9 | Bengkel CRA OACP Bank Muamalat - CRA & Data Analisis | 9-13 Disember 2022 | HQ Bank Muamalat, Kuala Lumpur |
| 10 | Bengkel CRA OACP - Taklimat Lembaga Sumber Air Terengganu | 12-15 Disember 2022 | Pejabat Sekretariat Tabung Darul Iman, Terengganu |
| 11 | <i>Public Training</i> : CRA | 13-14 Disember 2022 | Bilik Etika, IIM |
| 12 | Bengkel CRA OACP Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) | 15 Disember 2022 | HQ SAINS, Seremban 2, Negeri Sembilan |
| 13 | Bengkel CRA OACP - Pemurniaan JKP Sdn Bhd | 15-16 Disember 2022 | Berjaya Hotel, Pulau Pinang |
| 14 | Bengkel CRA OACP - Pelan Tindakan SUK Kelantan | 19-20 Disember 2022 | IBIS Style Hotel, Kelantan |
| 15 | Bengkel CRA OACP - Pemurniaan Yayasan Perak | 22-23 Disember 2022 | Hotel Hatten, Melaka |
| 16 | Bengkel CRA OACP Pelan Tindakan-Bank Muamalat | 22-23 Disember 2022 | HQ Bank Muamalat, Kuala Lumpur |

KUNJUNGAN HORMAT DAN LIBAT URUS IIM



YBHG. DATUK KPE TELAH MENGHADIRI SESI PERBINCANGAN DENGAN YBHG. TAN SRI DATO' SERI KSN YANG JUGA MERUPAKAN PENGERUSI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

20 OKTOBER 2022

Pada 20 Oktober 2022, YBhg. Datuk KPE telah menghadiri sesi perbincangan dengan YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara yang juga merupakan Pengurus Institut Integriti Malaysia.

Antara agenda yang telah dibincangkan termasuklah pengisian sambutan Bulan Integriti Nasional termasuklah penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam dengan kerjasama INTAN, JAKIM, RTM dan Bank Islam pada 3 November 2022.

Di samping itu, khutbah Jumaat bertemakan "Integriti Teras Keluarga Malaysia" akan turut dibacakan pada 4 November 2022 di masjid-masjid dan surau-surau seluruh negara.

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (TKSUK), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) DI PUTRAJAYA

8 DISEMBER 2022

YBhg. Datuk KPE telah membuat kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Sollehudin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) di pejabat

beliau di Kompleks Setia Perdana, Putrajaya pada 8 Disember 2022.

Di dalam pertemuan tersebut, YBhg. Datuk KPE telah berkongsi tentang gerak kerja terkini IIM dalam bidang integriti dan tadbir urus di samping program-program yang telah disusun atur bagi tempoh suku tahun pertama 2023.



Turut dibincangkan adalah pengukuhan organisasi IIM sebagai peneraju usaha-usaha penerapan dan pemantapan integriti dan tadbir urus baik di dalam sektor awam dan swasta serta kalangan masyarakat Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LIBAT URUS IIM



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. SULAIMAN MAHBOB, PENGERUSI LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

27 OKTOBER 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengurus Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bertempat di MIDA Sentral pada 27 Oktober 2022.

Pelbagai perkara dibincangkan dalam pertemuan tersebut, antaranya usaha untuk memperkuatkkan kerjasama strategik antara IIM dan MIDA dengan cadangan pelaksanaan Anti Bribery Management System (ABMS), Corporate Integrity System Malaysia (CISM) dan program-program latihan & pendidikan yang menjurus kepada pengukuhan integriti dan pemantapan tadbir urus kalangan sektor swasta.

YBhg. Tan Sri Sulaiman Mahbob yang juga merupakan mantan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM yang pertama (2004-2006) turut berkongsi pengalaman dan aspirasi beliau ketika diberikan amanah untuk menerajui IIM dahulu semasa penubuhannya.

Turut hadir dalam pertemuan ini adalah Pengurus Besar Kanan Khidmat Korporat IIM, En. Mahummar Gadaffi Sorilaut Omar dan Puan Siti Ruzaina Shahidan, Ketua Unit Integriti Dan Governans MIDA.

LAWATAN KERJA KE ATAS YH DATO' MAHMUD MOHD NAWAWI, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YAYASAN PAHANG DI KOMPLEKS YAYASAN PAHANG, KUANTAN

4 OKTOBER 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) telah mengadakan lawatan kerja ke atas YH Dato' Mahmud Mohd Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang di Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan pada 4 Oktober 2022.

Antara perkara yang dibincangkan termasuklah usaha untuk memperkuatkkan kerjasama strategik antara IIM dan Yayasan Pahang dengan cadangan pelaksanaan modul-modul baharu yang boleh dilancarkan oleh IIM kepada anak-anak syarikat YP yang berkenaan. Pihak IIM turut berkongsi mandat dan hala tuju baharu IIM dalam agenda Integriti negara.



Selain itu, pihak IIM juga telah bersetuju untuk memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Universiti Kolej Yayasan Pahang (UCYP) dalam pelbagai bidang penyelidikan dan penerbitan termasuklah perkhidmatan perpustakaan serta penempatan tenaga pengajar dan pelajar di IIM.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LIBAT URUS IIM

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) YANG DIKETUAII OLEH YBRS. EN. AMRAN ABD KADIR, NAIB PENGURUSI EKSEKUTIF (PENGURUSAN) SKM

18 OKTOBER 2022

YBhg. Datuk Wan Suraya, KPE Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima kunjungan hormat daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang diketuai oleh YBrs. En. Amran Abd Kadir, Naib Pengurus Eksekutif (Pengurusan) SKM pada 18 Oktober 2022.

Antara yang dibincangkan oleh kedua pihak termasuklah cadangan kerjasama strategik khususnya dalam memantapkan nilai integriti dan governans dalam kalangan warga SKM dan agensi di bawah seliaan SKM.

Hadir sama dari pihak SKM ialah Pn Zuhaini Romli, Pengarah Akademi SKM; Pn Azizah Sahar, Pengarah Unit Integriti dan En Moshalizan Ahmad, Penolong Pengarah Unit Integriti.



INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) TELAH MENERIMA LAWATAN DARIPADA DELEGASI YOUTH LEADERSHIP PROGRAMME (YLP) 2022

22 DISEMBER 2022

Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menerima lawatan daripada delegasi Youth Leadership Programme (YLP) 2022 pada 22 Disember 2022.

Lawatan ke IIM yang diketuai oleh Cik Yang Leaphea, Pengurus Program Transparency International (TI) Cambodia diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga belia khususnya pelajar wanita Kemboja tentang pemerkasaan integriti dan tata kelola baik yang telah dilaksanakan di Malaysia.

YLP 2022 merupakan program anjuran bersama TI Cambodia dan ActionAid Cambodia. Delegasi program ini terdiri daripada lima orang wakil TI Cambodia, seorang wakil ActionAid Cambodia dan 13 warga belia yang telah terpilih daripada tujuh wilayah di negara tersebut bagi mengikuti program YLP 2022.

Delegasi tersebut telah disambut oleh Pengurus Besar Kanan (Khidmat Korporat) IIM, Encik Mahummar Gaddafi Sorilaut Omar yang telah menyampaikan ucapan aluan. Manakala taklimat tentang fungsi, peranan, hala tuju dan perkhidmatan IIM telah disampaikan oleh Ketua Seksyen Perhubungan Antarabangsa dan Libat Urus, Puan Rajesh Krishnan.



INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity